

Pensyarah FKAL bantu tingkat imej UMSKAL

UB 6.11.2014 B2

LABUAN: Pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) diminta membantu meningkatkan imej UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) terutama yang membabitkan pengajaran dan pembelajaran.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyatakan demikian ketika mengadakan

perbincangan dengan pensyarah FKAL di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara, kelmarin.

Sehubungan itu, beliau akan memastikan prasarana di universiti itu termasuk kemudahan di bilik kuliah, bahai ilmiah, bilik pensyarah dan kemudahan internet berada dalam keadaan yang memuaskan.

“Pengurusan universiti akan meningkatkan kemudahan dan infrastruktur yang membabitkan pensyarah dan pelajar FKAL,” katanya.

Dekan FKAL Prof Madya Dr Syed Nasirin bersama timbalan-timbalan dekan, Dr Lee Hock Ann dan Dr Sudzin Lada mengetuai pertemuan yang berlangsung satu jam itu.



MURNIZAM (tiga kiri) mengadakan perbincangan dengan pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan.